

D.R. 34/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [*Akta 610*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif “Ketua Pegawai Eksekutif”, dengan memotong perkataan “, iaitu Pengerusi, dan”; dan

(b) dalam takrif “Menteri”, dengan memasukkan selepas perkataan “Pengerusi” perkataan “, Ketua Pegawai Eksekutif”.

Pindaan seksyen 5**3. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “seorang Pengerusi” dengan perkataan “Pengerusi”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dua orang anggota yang mewakili Kerajaan; dan” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif;”;
- (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “tidak kurang daripada dua orang tetapi tidak lebih daripada empat orang anggota lain.” dengan perkataan “tiga orang anggota yang mewakili Kerajaan; dan”; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) tidak lebih daripada enam orang anggota, yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman dan telah menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan kewangan, kejuruteraan, perniagaan atau pentadbiran, atau adalah selainnya sesuai bagi pelantikan oleh sebab pengetahuan dan pengalaman mereka yang khusus.”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Suruhanjaya” perkataan “, selain Ketua Pegawai Eksekutif,”.

Pindaan seksyen 7**4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut:****“Tempoh jawatan**

7. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh dua tahun.

(2) Seseorang anggota Suruhanjaya layak untuk dilantik semula tetapi tiada anggota boleh memegang jawatan selama lebih daripada tiga tempoh.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi Ketua Pegawai Eksekutif.”.

Pindaan seksyen 9

5. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Suruhanjaya” perkataan “, selain Ketua Pegawai Eksekutif,”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Seseorang anggota Suruhanjaya” perkataan “, selain Ketua Pegawai Eksekutif,”.

Pindaan seksyen 10

6. Seksyen 10 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya” perkataan “, selain Ketua Pegawai Eksekutif,”.

Seksyen baru 17A

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

“Sekatan ke atas penggunaan lambang atau representasi Suruhanjaya

17A. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan apa-apa lambang atau representasi yang dipilih atau direka oleh Suruhanjaya dan selepas itu dipamerkan atau ditunjukkan berkaitan dengan aktiviti atau hal ehwalnya.

(2) Lambang atau representasi yang dipilih atau direka oleh Suruhanjaya hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Mana-mana orang yang menggunakan sesuatu lambang atau representasi Suruhanjaya atau apa-apa yang menyerupainya, atau mencipta apa-apa lambang atau representasi yang merujuk kepada Suruhanjaya hingga memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, atau berkemungkinan memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 18

8. Seksyen 18 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.”.

Seksyen baru 18A

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

“Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif

18A. Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan tugas jawatannya.”.

Pindaan seksyen 21

10. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “Pinjaman” perkataan “, biasiswa”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “pinjaman” perkataan “, biasiswa”.

Pindaan seksyen 25

11. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (e); dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(ea) memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pegawai-pegawainya di bawah seksyen 21; dan”.

Seksyen baru 30A

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 30 seksyen yang berikut:

“Had kontrak

30A. Suruhanjaya tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya dikehendaki membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 33

13. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 33 dengan seksyen yang berikut:

“Akaun dan laporan

33. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan laporan aktiviti yang sepatutnya disimpan dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Suruhanjaya yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu pernyataan mengenai aktiviti.

(2) Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(3) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.”.

Pemotongan seksyen 34

14. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 34.

Kecualian

15. Mana-mana tindakan yang diambil atau arahan yang diberikan oleh Pengerusi yang bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan diambil atau diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang baru dilantik di bawah Akta ini dan boleh diteruskan dengan sewajarnya olehnya.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 (“Akta 610”) terutamanya untuk memisahkan fungsi Pengerusi Suruhanjaya dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pada masa ini, fungsi Pengerusi Suruhanjaya dan Ketua Pegawai Eksekutif dijalankan oleh orang yang sama. Pindaan-pindaan dalam Rang Undang-Undang ini akan mengehendkan peranan Ketua Pegawai Eksekutif kepada pentadbiran dan pengurusan fungsi Suruhanjaya dan hal ehwal hariannya.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda masing-masing takrif “Ketua Pegawai Eksekutif” dan “Menteri” dalam seksyen 2 Akta 610.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 610 untuk menambah bilangan anggota Suruhanjaya supaya termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, tiga orang anggota yang mewakili Kerajaan dan tidak lebih daripada enam orang anggota yang lain.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 610 untuk menyatakan tempoh jawatan anggota Suruhanjaya, selain Ketua Pegawai Eksekutif, dan mengehadikan tempoh pelantikan semula anggota Suruhanjaya itu.
6. *Fasal 5* merupakan pindaan berbangkit.
7. *Fasal 6* merupakan pindaan berbangkit.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A ke dalam Akta 610 untuk memberikan hak eksklusif kepada Suruhanjaya untuk menggunakan lambang atau representasi yang dipilih atau direka oleh Suruhanjaya. Ia juga bertujuan untuk melarang penyalahgunaan lambang atau representasi itu.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 610 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif oleh Menteri atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 18A ke dalam Akta 610 untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik secara sementara mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi Ketua Pegawai Eksekutif apabila jawatan Ketua Pegawai Eksekutif itu kosong.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 610 untuk membolehkan Suruhanjaya memberikan biasiswa kepada pegawai-pegawainya.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 610 untuk membolehkan Suruhanjaya mempertanggungkan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan pada Kumpulan Wang.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30A ke dalam Akta 610 untuk mempertanggungkan kewajipan ke atas Suruhanjaya untuk mendapatkan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan sebelum ia membuat kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya dikehendaki membayar atau menerima amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 610 untuk mempertanggungkan kewajipan ke atas Suruhanjaya untuk menyimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan laporan yang sepatutnya mengenai aktivitinya. Suruhanjaya ini dikehendaki menghantar penyata akaun dan pernyataan mengenai aktivitinya bagi tahun kewangan itu kepada Menteri yang kemudiannya akan menyebabkan penyata dan pernyataan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.
15. *Fasal 14* bertujuan untuk memotong seksyen 34 Akta 610 berbangkit daripada pemakaian Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 bagi Suruhanjaya.
16. *Fasal 15* mengadakan peruntukan bagi suatu peruntukan kecualian berkenaan dengan apa-apa tindakan yang diambil atau arahan yang diberikan oleh Pengerusi yang bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Rang Undang-Undang**IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2627]